
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2006/2007

Jun 2007

**HMT 501- FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA MALAYSIA
LANJUTAN**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A: Jawab mana-mana DUA soalan dalam bahagian ini.

1. Dengan menyertakan gambar rajah yang sesuai, huraikan penghasilan bunyi konsonan bahasa Malaysia berikut:

- (a) Letupan bersuara /b/ [5 markah]
- (b) Letupan tak bersuara /t/ [5 markah]
- (c) Frikatif tak bersuara /s/ [5 markah]
- (d) Hentian glotis /// [5 markah]
- (e) Sengauan bersuara /n/ [5 markah]

2. Jawab (a) dan (b).

(a) Dengan bantuan gambar rajah dan contoh-contoh yang sesuai, huraikan perkara (i), (ii) dan (iii). Kaitkan huraian anda dengan penghasilan bunyi-bunyi bahasa.

- (i) Pita suara [5 markah]
- (ii) Rongga nasal [5 markah]
- (iii) Lelangit Lembut [5 markah]

(b) Kelantangan merupakan satu daripada ciri fizikal fonetik akustik. Dengan berbantuan gambar rajah jelaskan ciri kelantangan tersebut.

[10 markah]

3. Transkripsikan secara sempit **TEKS A** dan **TEKS B** di bawah ke dialek Johor Riau.

TEKS A

“Berdasarkan analisis syarat kesesuaian dalam teori lakuan pertuturan, dapat ditunjukkan bahawa ayat tanya atau pertanyaan tidak sahaja mendukung makna pertanyaan, tetapi juga membawa maksud permintaan maklumat dan pelawaan. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam konteks perbualan sebenar antara penutur dengan pendengar dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu. Maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam penentuan maksud sebenar suatu bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik ialah bahasa yang digunakan oleh penutur dan pendengar dalam komunikasi sehari-hari”.

Sumber: *Jurnal Dewan Bahasa, Disember 2000; hal 1328*

[12 markah]

TEKS B

“Makalah ini mengkaji peranan bahasa kiasan (trop) – khususnya peranan analogy dan metafora, reifikasi dan perumpamaan, personafikasi, dan penghaiwanan – yang terdapat dalam dua teks sains peringkat pengenalan. Bertentangan dengan pendapat popular, kiasan seperti personafikasi dan penghaiwanan memainkan peranan penting, malah lebih penting daripada analogy dalam penyampaian bahan. Makalah ini meneliti tema-tema metaforik yang dominan – seperti peperangan dan perburuan, keluarga dan hubungan-hubungan lain –serta topik-topik khusus yang berkaitan dengan tema-tema tersebut”.

Sumber: *Jurnal Dewan Bahasa, Mac 2001; hal 55*

[13 markah]

Bahagian B: Jawab mana-mana DUA soalan dalam bahagian ini.

4. Jawab (a) dan (b).

(a) Berdasarkan **DATA 1** di bawah, nyatakan rumus-rumus yang berlaku dalam dialek Johor Riau (DJR).

DATA 1		
	DJR	
i. /malam/	[ma)lam]	'malam'
ii. /k↔riN/	[k↔reN]	'kering'
iii. /di + atas/	[di/atas]	'di atas'
iv. /tuah/	[tuwah]	'tuah'
v. /b↔r + satu/	[b↔satu]	'bersatu'

[10 markah]

(b) Berdasarkan **DATA 2** di bawah, nyatakan ketertiban rumus struktur permukaan bagi perkataan-perkataan dalam dialek Kelantan (DK) dan dialek Petani Gerik (DPG).

DATA 2			
	DK	DPG	
i. /dukun/	[dukoN]	[kako)N]	'dukun'
ii. /cawan/	[cawE]	[cawE)]	'cawan'
iii. /k↔riN/	[k↔⊗iN]	[k↔⊗i)N]	'kering'

[15 markah]

5. Berdasarkan teori autosegmental dan modul representasi fonologi Sagey (1986), huraikan proses nasalisasi vokal yang berikut:

(a) Nasalisasi vokal progresif [15 markah]

(b) Nasalisasi vokal harmoni [10 markah]

...5/-

6. Berdasarkan mana-mana teori autosegmental, huraikan proses asimilasi yang berlaku dalam **DATA 3** di bawah.

DATA 3

DJR

- i. /m↔N + beri/ [m↔)mb↔ri] ‘memberi’
ii. /m↔N + pukul/ [m↔)mu)kol] ‘memukul’

[25 markah]